



ISMAIL (lima kanan) menyampaikan cenderamata kepada Mistirine diperhatikan pegawai kanan UMS-KAL di Jabatan Pelajaran Labuan, kelmarin.

UMS-KAL tingkat motivasi murid sekolah rendah

UB 10-10-2012 B3

AHLI akademik Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) bersedia membantu meningkatkan motivasi dan keyakinan diri murid sekolah rendah di Wilayah Persekutuan Labuan.

Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Ismail Ali berkata penyarah Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) juga akan membantu meningkatkan penguasaan murid dalam bahasa Inggeris.

Katanya, usaha murni itu bagi menggalakkan murid sekolah rendah mempelajari dan menguasai bahasa kedua itu selain mahir dalam Bahasa Melayu, Matematik dan Sains.

Oleh itu, beliau berkata kerjasama padu antara UMS-KAL dengan Jabatan Pelajaran Labuan akan diadakan selaras dengan hasrat universiti yang diterajui Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, untuk

mendekatkan universiti dengan masyarakat tempatan.

“Kita akan membantu menaikkan semangat murid sekolah rendah terutama dalam menguasai bahasa Inggeris di samping mata pelajaran yang lain,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan kunjungan hormat terhadap Pengarah Jabatan Pelajaran Labuan, Mistirine Radin di pejabatnya di Tingkat 10, Kompleks Ujana Kewangan Labuan, kelmarin.

Turut bersama beliau ialah Timbalan Pendaftar, Zamri Mohamad Tuah, Pustakawan Kanan, Baharin Entoh, Penolong Pendaftar Kanan Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Norhanizah Adnan, Pegawai Belia dan Sukan, Gabriel Moinjil, Penyarah PPIB, Shabir dan Pegawai Khas Dr Ismail, Suffian Osman. Hadir sama Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan, Norismah Abd Moin.

Ismail juga mengalu-alukan kunjungan pelajar tingkatan

enam SMK Labuan dan SMK Lajau ke perpustakaan UMS-KAL untuk menambah ilmu pengetahuan mereka.

Selain itu, beliau berharap supaya kedua-dua pihak membabitkan pelajar sekolah rendah dan menengah serta mahasiswa untuk menyertai pelbagai aktiviti yang memberi manfaat kepada pembangunan insaniah dan motivasi.

“Aktiviti anjuran UMS-KAL boleh didedahkan kepada pelajar sekolah menengah sebelum mereka menjejakkan kaki ke menara gading selepas menamatkan pembelajaran di tingkatan lima dan enam,” katanya.

Sementara itu, Mistirine berkata Pusat Kokurikulum Jabatan Pelajaran Labuan di Ganggarak boleh digunakannya oleh warga UMS-KAL terutama pelajar mengadakan aktiviti perkhemahan dan riadah.

Katanya, banyak kemudahan asas dan kepakaran dimiliki jurulatih di pusat kokurikulum itu yang boleh dikongsi dengan warga universiti.